

Anwar tetap ditolak – MT

UM - 1/5/2007

KUALA LUMPUR 30 April - Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini mengulangi pendiriannya untuk tidak menerima bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyertai kembali parti itu.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad berkata, pendirian tersebut merupakan satu keputusan yang diulang setelah ramai pihak mendakwa Anwar berminat untuk kembali ke pangkuan parti komponen terbesar dalam Barisan Nasional (BN) itu.

“Orang banyak bercakap mengenai perkara ini (Anwar berminat sertai semula UMNO) jadi biar saya beritahu, dia (Anwar) tidak akan diambil balik dalam UMNO,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. Mohd. Radzi menjelaskan,

MT pernah membuat keputusan yang sama pada waktu dahulu, cuma kali ini adalah untuk mengulangi pendirian tersebut.

Menjawab soalan adakah UMNO terlalu angkuh untuk menerima semula bekas Timbalan Perdana Menteri itu, beliau berkata, keputusan yang diambil adalah berdasarkan kepada perlembagaan parti.

“Bukan kita angkuh, tapi perlembagaan kata begitu. Siapa yang menentang kita (UMNO) tidak diterima masuk selamalamanya,” kata beliau.

Perlembagaan baru UMNO 2002 menjelaskan mana-mana ahli yang menentang parti tidak akan diterima semula menyertai parti untuk selamalamanya.

Mengenai beberapa bekas ahli UMNO menyertai semula parti tersebut, beliau memberitahu, ia berlaku ketika perlembagaan parti belum dipinda.